

22/07/1997

Mahathir puji prestasi Anwar

OKAYAMA CITY (Jepun), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melaksanakan urusan dengan baik sebagai Pemangku Perdana Menteri sepanjang percutian sambil bekerjanya, yang berakhir esok.

Menurut Perdana Menteri, yang sent tiada mengikuti perkembangan di Malaysia dalam tempoh dua bulan lalu, keadaan dalam negara terkawal dan tiada masalah besar.

"Saya fikir `under control', tiada masalah. Walaupun tiada di Malaysia, saya kerap juga berhubung dengan Anwar. Beliau juga kerap menelefon saya dan kadang-kadang kita mengadakan persidangan video.

"Jadi saya mengikuti perkembangan dalam negara dan keadaan dalam negara tidak menjadi genting sehingga saya terpaksa lari balik," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum menyertai dialog `Okayama Perfecture in the 21st Century' petang ini, acara terakhirnya di sini sebelum berlepas pulang ke tanah air pagi esok.

Ditanya apakah antara tugas terawalnya apabila mula bekerja semula Rabu ini, Dr Mahathir menjelaskan: "Saya balik macam biasa, saya teruskan kerja macam dulu."

Menurutnya, beliau mengambil cuti sambil bekerja kerana mahu menenangkan fikiran supaya dapat membuat penilaian semula serta melihat sesuatu dari sudut global.

"Nak `clear' sikit sampah sarap yang ada dalam otak supaya dapat fikir semula. Bila kita tengok sesuatu dari dekat, kadang-kadang kita tidak berapa nampak. Orang kata `you miss the forest for the tree'," katanya.

(END)